

06 MAY 1996

Osman-Jawatan

OSMAN AROFF KEMUKA PERLETAKAN JAWATAN MB KEDAH

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff telah mengemukakan surat perletakan jawatannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pengumuman Perdana Menteri itu menamatkan spekulasi mengenai Kedah akan mempunyai Menteri Besar baru yang telah berlarutan selama berbulan-bulan tetapi menjadi lebih hangat sejak akhir-akhir ini.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di Bangunan Parlimen di sini bahawa beliau bagaimanapun masih belum membuat keputusan mengenai perletakan jawatan Osman.

"Sehingga keputusan mengenainya (kedudukan Osman) dibuat, Osman terus menjadi Menteri Besar," katanya.

Apabila ditanya sama ada beliau menerima atau tidak perletakan jawatan Osman yang telah menjadi Menteri Besar lebih 10 tahun itu, beliau berkata: "Saya tengah fikir. "

Kepada soalan sama ada beliau sudah ada bayangan tentang siapa akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru, Dr. Mahathir berkata beliau juga belum memikirkannya lagi.

Pemberita kemudian bertanya sama ada Datuk Seri Sanusi Junid, orang yang sebut-sebut akan menggantikan Osman, akan "dipertimbangan" untuk jawatan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya sedang memberi pertimbangan kepada setiap orang yang layak".

Sanusi, bekas Menteri Pertanian, ialah Anggota Dewan Undang Negeri Kedah kawasan Kuah.

Ketika menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata beliau mungkin berjumpa dengan anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan anggota Parlimen dari Kedah untuk mengetahui pendapat mereka sebelum membuat keputusan mengenai Menteri Besar baru.

Mac lepas, seramai 22 daripada 26 ADUN Umno Kedah menghantar memorandum kepada Dr Mahathir supaya Osman dikekalkan sebagai Menteri Besar dan pada masa yang sama menolak Sanusi sebagai penggantinya jika Dr Mahathir hendak melantik Menteri Besar yang baru.

Sementara itu di Alor Setar, pemberita yang pergi ke rumah Osman di Lorong Menteri Satu, Jalan Sultanah gagal menemui beliau untuk mendapatkan ulasannya.

Seorang anggota polis yang bertugas di bilik pengawal di situ kemudian masuk ke rumahnya untuk memaklumkan kepada Osman mengenai kehadiran sekumpulan pemberita.

Bagaimanapun, tidak lama kemudian, anggota polis berkenaan keluar lalu memberitahu pemberita bahawa Menteri Besar itu "tidak sihat".

"Beliau sakit kepala dan telah mengambil ubat," katanya.

Ketika ditanya sama ada Osman memberi sebab-sebab kenapa beliau meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, mungkin dia sudah letih ...letih secara fizikal."

Ditanya bila Osman menghantar surat perletakan jawatannya, Perdana Menteri berkata beliau tidak membaca tarikhnya tetapi menambah: "Dia hantar sudah lama".

-- BERNAMA

AZZ MFJ NMO